



**KENYATAAN MEDIA  
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN SELANGOR**

**MAJIKAN SYARIKAT PEMBUATAN DIDAPATI BERSALAH KERANA GAGAL  
MENGADAKAN PROSEDUR KERJA SELAMAT BAGI KERJA-KERJA  
PENYELENGGARAAN DI TEMPAT KERJA**

**Shah Alam, 30 Julai** – Sebuah syarikat pembuatan di sini telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Seksyen Shah Alam selepas mengaku bersalah di atas pertuduhan sebagai majikan telah gagal memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja dengan tidak menyediakan prosedur kerja selamat setakat yang praktik untuk kerja-kerja penyenggaraan di kawasan *robot arm* sehingga menyebabkan kemalangan maut kepada seorang pekerjanya semasa menjalankan penyenggaraan di kawasan tersebut. Kemalangan telah berlaku pada 22 Mac 2018 jam 11.00 pagi.

Hakim Tuan Azhari Bin Abdul Hamid telah mengarahkan syarikat tersebut membayar denda RM25,000.00 atau penjara selama 2 bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut. Syarikat pembuatan ini telah dituduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15 (1) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Pendakwaan telah dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa yang dilantik dari JKKP Selangor, Mohd Arif bin Mohd Nor. Manakala siasatan terhadap kes ini pula dijalankan oleh pasukan penyiasat yang diketuai oleh Pegawai Penyiasat, Mohamad Amin bin Harun serta dibantu oleh Ir. Tajul Arifin bin Mohamed Nori dan Azizul Hisyam bin Masraf

###

**Dikeluarkan oleh:  
Pejabat Pengarah,  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Selangor  
30 Julai 2018**